

MRL SEMPURNAKAN PENANAMAN 3,000 ANAK POKOK MENERUSI PROGRAM *RAIL TO ROOTS*

Program ini menjana pendapatan dan peluang ekonomi Komuniti Orang Asli

Bentong, 24 Ogos: Malaysia Rail Link Sdn Bhd (MRL) terus memperkukuh komitmen terhadap kelestarian alam sekitar dan kesejahteraan komuniti melalui penganjuran program '*Rail to Roots: Pemuliharaan Hutan Terdegradasi & Pembinaan Kapasiti*' yang berjaya menyempurnakan penanaman sebanyak 3,000 anak pokok di Hutan Simpan Kekal Lentang.

Program *Rail to Roots* ini merupakan sebahagian daripada inisiatif Alam Sekitar, Sosial, dan Tadbir Urus (ESG) MRL yang memberi penekanan kepada dua teras utama iaitu pemuliharaan alam sekitar (*Rehabilitation of Degraded Forest*) dan pembinaan kapasiti komuniti (*Capacity Building*). Inisiatif ini dijalankan dengan kerjasama Yayasan Hijau Malaysia (YHM) dan Jabatan Perhutanan Negeri Pahang (JPNP).

Melalui program ini, sebanyak 3,000 anak pokok termasuk spesies merbau, meranti bukit, dan nadir hutan telah ditanam di Hutan Simpan Kekal Lentang sebagai usaha restorasi untuk memelihara kelestarian biodiversiti hutan. Sebanyak 600 anak pokok telah ditanam pada Fasa satu *Rail to Roots* bermula 19 Disember 2024. Fasa kedua yang melibatkan penanaman 2,400 anak pokok telah dilaksanakan secara berperingkat bermula suku pertama 2025.

Sempena sambutan Hari Kemerdekaan ke-68, seramai 68 peserta terdiri daripada Ahli Lembaga Pengarah dan Pengurusan Tertinggi serta warga kerja MRL turut menanam 68 anak pokok di 'Majlis Penanaman Pokok Rail to Roots' pada hari ini bagi mencapai penanaman keseluruhan 3,000 anak pokok. Inisiatif ini turut memperkukuh komitmen MRL terhadap pemeliharaan khazanah alam semula jadi selain menjadi simbolik Hari Kemerdekaan tahun ini.

Majlis ini telah disempurnakan oleh Ketua Setiausaha Negara merangkap Pengerusi MRL, Tan Sri Shamsul Azri Abu Bakar yang diiringi Ketua Pegawai Eksekutif MRL, Dato' Sri Darwis Abdul Razak. Turut hadir memeriahkan majlis termasuk Ketua Setiausaha Kementerian Sumber Asli dan Kelestarian Alam, Datuk Dr. Ching Thoo A/L Kim, Ketua Pengarah Perhutanan Semenanjung Malaysia, Dato' Zahari Ibrahim, Pegawai Daerah Bentong, Dato' Mohammad Shahid Ismail dan Pengarah Perhutanan Negeri Pahang, Zainuddin Jamaluddin.

Dari aspek pembangunan kapasiti, MRL telah menaja sepenuhnya 15 tapak semaian komuniti Orang Asli di Kampung Ulu Chemperoh, dengan sokongan latihan dan bimbingan daripada JPNP. Anak pokok yang dihasilkan boleh dibeli semula melalui inisiatif *Buyback Guarantee*, sekali gus membantu komuniti Orang Asli menjana pendapatan serta membuka peluang ekonomi yang lebih mampan.



Melalui inisiatif ini, MRL juga telah meraih pengiktirafan tertinggi dengan memenangi *Gold* bagi Anugerah *ESG Positive Impact Awards 2024: Innovative Partnership (Large Companies Category)* pada Julai 2025, hasil penilaian yang menekankan prinsip ekonomi kitaran (*circular economy*) yang memberi manfaat kepada komuniti.

Ketua Pegawai Eksekutif MRL, Dato' Sri Darwis Abdul Razak, berkata Program *Rail to Roots* yang melibatkan penanaman sebanyak 3,000 anak pokok di Hutan Simpan Kekal Lentang adalah manifestasi terhadap komitmen MRL untuk mewujudkan keseimbangan antara pembangunan infrastruktur dan kelestarian alam sekitar.

“Program ini sejajar dengan simbol hijau dan berjaya menyemai lebih 17,000 benih pokok sehingga Mei 2025 menerusi 15 tapak semaian. Perkembangan ini turut membuka lembaran baharu dalam menjana pendapatan komuniti Orang Asli serta membina masa hadapan yang lebih lestari,” katanya.

MRL, sebuah syarikat milik penuh Menteri Kewangan (Diperbadankan) [MOF (Inc.)], adalah pemilik projek dan aset ECRL. Rangkaian ECRL sepanjang 665 km akan merentasi negeri-negeri Pantai Timur iaitu Kelantan, Terengganu, dan Pahang sebelum menghubungkan Lembah Klang di Pantai Barat Semenanjung Malaysia.

-Tamat-

Disediakan oleh Jabatan Komunikasi Korporat Malaysia Rail Link Sdn Bhd. Untuk pertanyaan media, sila hubungi: Yong Min Wei di (03-6411 5800 smbg. 5835 / mwyong@mrl.com.my), Ani Azureen Zainuddin di (03-6411 5800 smbg. 6122 / azureen@mrl.com.my) atau Puteri Hadeeja Sofea Hasbullah di (03-6411 5800 smbg. 6084 / hadeeja.sofea@mrl.com.my)